



BERSAMA PESERTA... Huzili (enam dari kanan) bersama peserta ceramah Motivasi Akhirat di UMSKAL.

60 kakitangan UMSKAL jayakan Kursus Budaya Cemerlang

LABUAN: Seramai 60 kakitangan akademik dan bukan akademik Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menjayakan ceramah motivasi ‘Cemerlang Dunia dan Akhirat’ yang diadakan baru-baru ini.

Kursus dua hari anjuran Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran UMSKAL itu dikendalikan Dekan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Haji Huzili Hussin.

Turut menghadiri kursus itu ialah Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Musnun Mattersah, Penolong Pendaftar Kanan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Norhanizah Adnan dan Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Noraini Samsu.

Huzili menekankan enam formula ke-

jayaan iaitu menepati syarat-syarat kejayaan, mengawal diri secara berterusan, menilai diri sendiri, mengekalkan tindakan yang benar secara berterusan, berusaha bersungguh-sungguh dan menghakim sifat-sifat buruk.

Beliau turut menasihatkan peserta supaya sentiasa menyayangi negara Malaysia yang memiliki banyak kelebihan berbanding Negara lain termasuk keamanan, saling hormat-menghormati dan menghargai walaupun rakyatnya terdiri daripada berbilang agama dan bangsa serta fahaman.

“Janganlah kita memecahbelahkan perpaduan dan keamanan yang telah dikecapai sejak sekian lama. Sebagai rakyat, kita mempunyai peranan masing-masing untuk menjaga kesejahteraan dan persefahaman agar ianya kekal hingga bila-bila masa,” katanya. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**